145

NO. SOALAN : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]**
TARIKH	:	**20 MAC 2018**
SOALAN	:	

YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan melalui kementerian kementerian tertentu untuk program Natchathira Vizha 2018 yang diadakan pada 6 Januari 2018. Nyatakan juga jumlah pendapatan secara terperinci, kos yang ditanggung dan derma yang dibawa balik ke India oleh artis-artis negara berkenaan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia melalui Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) telah menyokong dan menyediakan bantuan kewangan berjumlah RM1.0 juta bagi penganjuran program Natchathira Vizha 2018 berbanding kos keseluruhan penganjuran sebanyak RM5.33 juta.

Program yang berlangsung selama dua hari di Stadium Nasional Bukit Jalil dari 5 – 6 Januari 2018 ini telah berjaya menghimpunkan seramai 450 artis serta selebriti terkenal dari selatan India dan Malaysia dan telah berjaya mencatatkan kehadiran pengunjung seramai 37,705 orang terdiri dari 8,335 pengunjung luar negara sementara 29,370 adalah pengunjung domestik, sekaligus memberikan pulangan ekonomi melalui perbelanjaan pelancong sebanyak RM43.6 juta kepada negara.

Acara ini telah mendapat liputan meluas dari pihak media cetak dan elektronik dengan kehadiran artis lagenda terkemuka India Rajnikanth dan Shri Kamal Hassan. Pada masa yang sama, pihak South Indian Artistes' Association (SIAA) telah menyalurkan derma sebanyak RM100,000 kepada Gabungan Persatuan-Persatuan Seni India Malaysia (GASIM) semasa majlis makan malam 'Gala' yang berlangsung pada 5 Januari 2018.

Sekian, terima kasih.